

# KBS gigih lahirkan usahawan muda

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) menyeru kepada golongan belia supaya merebut pelbagai peluang yang disediakan untuk menjadi usahawan muda di seluruh negara.

Penolong Pegawai Ekonomi, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak, Wan Ruhimah Abdul Ghani berkata, selain bantuan kewangan, pihak kementerian turut menyediakan program latihan menerusi kursus-kursus kepada bakal usahawan.

"KBS mahu melahirkan usahawan muda dalam pelbagai bidang perniagaan dan banyak skim yang kita sediakan bagi menggalakkan belia berniaga.

"Sebagai contoh, kita ada Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) dan kita mahu ia dimanfaatkan oleh golongan terbabit untuk membuka dan memajukan perniagaan," katanya di Manjung, Perak,

baru-baru ini.

Wan Ruhimah berkata, selain pinjaman kewangan, pihak kementerian turut menyediakan pelbagai siri latihan atau kursus-kursus khas bagi membantu beliau menceburkan diri dalam bidang keusahawan.

Sementara itu, Penolong Pegawai Belia dan Sukan Daerah Manjung, Khairul Anuar Mohd. Taharin berkata, pada masa lalu sesuatu kelulusan kepada peminjam memakan sedikit masa, tetapi sekarang ia telah berubah.

Menurutnya, jika dahulu peminjam terpaksa menunggu sehingga setahun, namun sekarang dalam masa dua bulan sahaja pinjaman mereka boleh diluluskan.

"Bagaimanapun semua dokumen mestilah lengkap termasuk mengemukakan senarai penjamin yang layak sekiranya diperlukan," katanya.



**USAHAWAN** belia antara program yang dipergiatkan.  
- Gambar hiasan